

**SULIT**

**PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH BANGSAR PUDU  
KUALA LUMPUR**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2023**  
**BAHASA MELAYU**  
**Kertas 1**  
**Oktober 2023**  
**2 jam**

**1103/1**

**Dua Jam**

---

**SOALAN PERCUBAAN SPM 2023**  
**BAHASA MELAYU (KERTAS SATU)**  
**KOD MATA PELAJARAN: 1103/1**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

**Arahan:**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan dalam **Bahagian A** dan satu soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi*

| <i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i> |          |              |                  |
|---------------------------------|----------|--------------|------------------|
| Nama Pemeriksa:                 |          |              |                  |
| Bahagian                        | Soalan   | Markah Penuh | Markah Diperoleh |
| <b>A</b>                        | <b>1</b> | 30           |                  |
| <b>B</b>                        | <b>1</b> | 70           |                  |
|                                 | <b>2</b> |              |                  |
|                                 | <b>3</b> |              |                  |
|                                 | <b>4</b> |              |                  |
| <b>Jumlah</b>                   |          | <b>100</b>   |                  |

Kertas soalan ini mengandungi **4** halaman bercetak

[ Lihat halaman sebelah

## SULIT

### BAHAGIAN A

[ 30 markah ]

[Masa dicadangkan : 30 minit]

*Bahan rangsangan di bawah menunjukkan maklumat berkaitan Industri Kecil dan Sederhana (IKS).  
Huraikan pendapat anda mengenai **Industri Kecil dan Sederhana (IKS)** di negara kita.*

*Panjangnya rencana anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.***



Bakeri Makmur Sdn Bhd, yang bermula sebagai perusahaan kecil di tepi rumah 20 tahun lalu, telah berkembang menjadi pemain utama dalam industri roti, biskut dan kek. Bakeri ini yang terletak di Tasek Gelugor, Pulau Pinang telah menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Kini, syarikat ini memberikan tumpuan dalam memenuhi permintaan usahawan tempatan. Penggunaan platform digital telah mengubah cara mereka mempromosikan produk.

Dipetik daripada.

Berita Awani

11 September, 2023



## SULIT

### BAHAGIAN B

[70 Markah]

Pilih *satu* soalan daripada soalan berikut dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan**.

1.

- Malaysia menduduki tangga ke-50 daripada 180 negara sebagai negara paling kotor di dunia.
- Malaysia berada pada tempat ke-130 dalam Indeks Prestasi Alam Sekitar (EPI) kerana sikap rakyat Malaysia yang suka membuang sampah di merata-rata tempat.

Sumber: *Utusan Malaysia*,  
5 Ogos 2022

Maklumat di atas menjelaskan tahap kebersihan negara kita di mata dunia. Keadaan ini berpunca daripada sikap manusia sendiri seperti yang dinyatakan dalam maklumat tersebut.

Bincangkan langkah-langkah yang perlu diambil bagi menangani sikap manusia yang sebegini demi menjamin kelestarian alam sekitar.

2.

Malaysia mempunyai pantai-pantai yang cantik dan menarik yang boleh dikunjungi. Suasana yang tenang dan mendamaikan di pantai mendorong ramai ibu bapa untuk membawa anak-anak mereka bercuti di kawasan pantai bagi tujuan mengeratkan silaturahim, menenangkan fikiran dan menikmati keindahan alam semula jadi. Pantai yang sering menjadi tumpuan ialah pantai yang bersih, selamat dan selesa untuk melakukan pelbagai aktiviti.

Sumber dipetik dan diubah suai: [journalarticle.ukm.my](http://journalarticle.ukm.my)

Berdasarkan petikan di atas, huraikan manfaat-manfaat melancong bersama dengan keluarga.

## SULIT

3. Teknologi dalam pendidikan ialah suatu alat, prinsip dan pendekatan saintifik dalam merancang dan melaksanakan proses pembelajaran yang berasaskan teknologi. Kepentingannya dapat membuka jalan kepada murid untuk menguasai atau memperoleh matlamat pembelajaran dengan mudah dan cepat. Teknologi pendidikan juga dapat menjimatkan masa dan tenaga serta dapat mengelakkan rasa bosan murid semasa menjalani proses pembelajaran di sekolah.

Sumber dipetik dan diubah suai:  
<http://masali.masmona.blogspot.com>  
*Kepentingan Teknologi Terhadap Bidang Pendidikan*

Berdasarkan petikan di atas, huraikan kepentingan tersebut dalam proses pembelajaran murid di sekolah.

4. Pelibatan golongan muda dalam industri pertanian telah dibahaskan sejak tahun 1980 lagi. Pelbagai usaha dilakukan oleh pihak kerajaan untuk menarik minat golongan muda menyertai bidang pertanian termasuklah memberikan pinjaman, kursus dan khidmat nasihat serta pendedahan berkaitan bidang ini sejak mereka di bangku sekolah lagi.

Sumber dipetik dan diubah suai: <http://spaj.ukm.my>

Maklumat di atas telah menyatakan usaha pihak kerajaan untuk menarik minat golongan muda menceburi bidang tersebut. Bincangkan.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**